

UMP C juara Kejuhanan Sepak Takraw Piala Naib Cancellor

umc Hello Kampus 1/10/14 (Raba)
m/s 26

KUANTAN 30 Sept. - Pasukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) C muncul juara kategori institusi pengajian tinggi (IPT) sempena Kejuhanan Sepak Takraw Piala Naib Cancellor yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP, Gambang di sini baru-baru ini.

Pasukan UMP C merangkul gelaran tersebut selepas menewaskan pasukan Kolej Vokasional Kuantan (KVK) A sekali gus membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000, piala pusingan dan pingat.

KVK A selaku naib juara pula membawa pulang hadiah wang tunai RM750 dan medal manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing menjadi milik Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) B dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang B.

Bagi kategori terbuka pula, pasukan Ozoil A ditabalkan juara setelah menewaskan 4 Jerantut C



DAING Nasir Ibrahim (tengah) bergambar bersama sebahagian peserta kejuhanan Sepak Takraw Piala Naib Cancellor UMP sempena Majlis Konvokesyen universiti itu pada 11 dan 12 Oktober ini di UMP, kampus Gambang, Kuantan, semalam

manakala tempat ketiga dan keempat disandang oleh pasukan Semantan B dan Ozoil B.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Naib Cancellor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim. Yang turut hadir, Pemangku Pendaftar

UMP, Abd. Rahman Saife dan Ketua Pusat Sukan UMP, Mohd. Aznoorzamin Ismail.

Sementara itu, Pengarah program, Ahmad Azlan Abdul Mubin berkata, kejuhanan itu merupakan sebahagian daripada program bagi

memeriahkan Karnival Expokonvo UMP sempena majlis konvokesyen kesembilan yang bakal berlangsung pada 11 dan 12 Oktober ini.

"Program yang julung kali dianjurkan ini bertujuan untuk mempromosi sukan sepak takraw di samp-

ing mencungkil bakat-bakat baharu untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Dua kategori dipertandingkan iaitu IPT dan terbuka dengan kategori IPT disertai 25 pasukan manakala kategori terbuka berjaya menarik peny-

ertaan 28 pasukan," jelasnya.

Menurutnya, penganjuran kejuhanan itu ternyata berjaya memupuk semangat kesukanan selain menjalinkan hubungan baik UMP dengan masyarakat luar serta menjenamakan universiti.